

→ HALAMAN KOTA

ISU KEMUDAHAN AWAM APARTMEN TAMAN SRI AMAN



Kami juga bersyukur Tan Sri Noh lulus peruntukan untuk baiki kemudahan cegah kebakaran di sini”

Baharuddin Abdul Ghani,
Pengerusi Perbadanan Pengurusan Sri Aman



Saya memang bimbang kerana peralatan pencegahan kebakaran di sini tidak sempurna. Jika ada kebakaran, saya memang tak tahu apa nak buat atau mahu lari ke mana”

Sharias Abdul Wahab,
Suri rumah



Saya masih ingat rumah jiran di tingkat enam musnah terbakar dua tahun lalu. Jika peralatan cegah kebakaran sempurna kejadian itu mungkin dapat dielakkan”

Norizan Jimi,
Peghuni



[FOTO ASWADI ALIAS/BH]

Noh (kiri) meninjau keadaan lif di Flat Taman Seri Aman pada program kempen keselamatan kebakaran bersama bomba di Petaling Jaya, semalam.

Kerajaan salurkan dana RM900,000

🔴 Penghuni lega dapat peruntukan baiki lif, ganti alat cegah api

Oleh Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@bh.com.my

➤ Kuala Lumpur

Penghuni Apartmen Taman Sri Aman, di sini mendapat berita gembira semalam apabila menerima peruntukan RM900,000 bagi membaiki lif rosak serta mengganti peralatan pencega-

han kebakaran yang daif di kawasan perumahan itu.

Peruntukan berkenaan diumumkan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar yang melawat kawasan terbabit, semalam.

Daripada jumlah itu, RM500,000 bagi membaiki pulih satu daripada tiga lif yang rosak dan RM300,000 lagi untuk menggantikan peralatan pencegahan kebakaran yang daif.

Noh berkata, beliau bimbang dengan keselamatan penduduk perumahan itu apabila pasukan bomba memaklumkan apartmen berkenaan gagal dalam pemeriksaan pencegahan kebakaran sebelum ini.

“Banyak kawasan perumahan, khususnya kediaman strata gagal

dalam pemeriksaan pencegahan kebakaran oleh bomba kerana peralatan tidak dibaiki dan sebagainya.

“Disebabkan itu, saya meluluskan RM300,000 untuk tujuan keselamatan kebakaran dengan syarat Badan Pengurusan Bersama dan persatuan penduduk tubuhkan bomba komuniti untuk pastikan peralatan dijaga.

Rancang aktiviti

“Mereka juga perlu merancang aktiviti berkaitan dengan pasukan bomba,” katanya pada program kempen keselamatan kebakaran bersama bomba di kawasan penempatan berkenaan.

Yang turut hadir, Ketua Jabatan Bomba dan Penyelamat Zon Petaling, Anuar Harun; Pengerusi Barisan Nasional (BN) Parlimen Petaling Jaya Utara (PJU), Tan Gim Tuan dan



350 UNIT
rumah di Apartmen
Taman Sri Aman

Ketua UMNO Bahagian PJU, Datuk Ikhwan Salim Sujak.

Noh juga sedar masalah kerosakan lif sering dihadapi oleh penghuni pangsapuri berkenaan.

“Pernah saya jumpa seorang makcik yang tak jejak bumi (tak turun ke bawah dari rumah di tingkat atas) selama enam bulan kerana lif rosak.

“Pihak berkuasa tempatan (PBT) kena bantu penduduk baiki lif. Lif umpama jalan raya, jika kita (PBT) baiki, jangan pula minta duit daripada penduduk,” katanya.

Sementara itu, Anuar berkata, sistem keselamatan kebakaran di Apartmen Taman Sri Aman mendudukitakan apabila panel utama amaran kebakaran dan paip dalam keadaan teruk, manakala sistem pancuran kering pula rosak.